

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10298

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditangkap dalam beberapa tahun kebelakangan ini di atas sebab ideologi komunisme dan sama ada Malaysia akan mengisytiharkan komunis dari Cina sebagai sekutu yang membawa masuk pelaburan untuk membantu membiayai pembinaan infrastruktur negara dan bukannya sebagai ancaman kepada negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pemeteraian Perjanjian Damai di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 2 Disember 1989 dan dengan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) pada 17 Oktober 1990, tiada sebarang tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa terhadap individu yang berfahaman komunis.

Ideologi komunis yang diamalkan oleh Republik Rakyat China (RRC) terhad kepada sistem politik dan pemerintahan negara tersebut sahaja dan tiada kena mengena dengan hubungan dua hala mereka dengan negara-negara lain termasuk Malaysia. Sehingga kini, Malaysia dan RRC mempunyai hubungan yang cukup erat di mana RRC merupakan antara rakan dagang yang penting dan terbesar bagi Malaysia. Justeru, Kerajaan tidak menganggap ideologi komunis yang diamalkan di RRC sebagai satu ancaman kepada negara.

Namun, seperti mana hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara lain, isu keselamatan tetap diberi perhatian bagi mengelak sebarang kemungkinan yang boleh menggugat kedaulatan dan kepentingan strategik negara.

SOALAN (38)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH
[TAMBUN]

SOALAN :

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di manakah kedudukan Malaysia dalam "ranking" World Happiness Report 2017 dan apa tindakan Kerajaan bagi meningkatkan "ranking" negara kita.

69

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *World Happiness Report* merupakan ukuran kegembiraan yang diterbitkan secara tahunan oleh *Sustainable Development Solutions Network* untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada tahun 2017, Malaysia menduduki tangga ke 42 daripada 155 negara sebagai negara paling bahagia di dunia, meningkat lima anak tangga daripada tempat ke 47 berbanding dengan pencapaian pada tahun lepas. Ini merupakan peningkatan kedua berturut-turut sejak tahun 2015. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat ketiga selepas Singapura (tangga ke-26) dan Thailand (32) serta jauh lebih baik jika dibandingkan dengan anggota ASEAN yang lain, misalnya Filipina (72) dan Indonesia (81). Malah, kedudukan negara kita juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan beberapa negara maju seperti Itali (48), Jepun (51), Korea Selatan (56) dan Hong Kong (71). Pencapaian ini disokong oleh peningkatan dalam aspek sokongan sosial, tahap pendapatan per kapita dan kebebasan membuat pilihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian keseluruhan ini menunjukkan Kerajaan sentiasa memastikan tahap kesejahteraan hidup rakyat meningkat selaras dengan pembangunan fizikal negara. Rancangan Malaysia Ke-11 (RMke-11) telah dirangka dengan tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan ekonomi yang berteraskan rakyat. Tiga teras strategi utama RMke-11 akan memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang lebih saksama, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan meningkatkan pembangunan modal insan.

Dasar struktur seperti pembangunan modal insan akan diberi lebih penekanan untuk memastikan rakyat terlatih untuk memenuhi keperluan industri sekarang dan akan datang serta dapat menjawat pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Selain itu, aspek pembangunan sosial juga diberi tumpuan dalam usaha membantu rakyat menangani beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini termasuklah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada sejumlah 7 juta isi rumah berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukannya, kemudahan 334 Klinik 1Malaysia yang menawarkan perkhidmatan pada kadar yang amat minimal, iaitu serendah RM1. Terdapat juga 1,061 Klinik Kesihatan (KK) yang beroperasi di seluruh Malaysia di mana sebanyak 242 KK

71

tersebut dilengkapi dengan perkhidmatan pakar. Usaha untuk menambah baik pengangkutan awam juga akan diteruskan untuk memudahkan rakyat mendapat akses bagi memperluas aktiviti mencari pekerjaan, beriadah, mendapat keperluan harian dan merapatkan jalinan perhubungan.

Sekian, terima kasih.

6 November 2017

SOALAN (39)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah eksport dan import dari Sarawak, senaraikan mengikut jenis barang dan jumlahnya pada tahun 2010-2017.

73

JAWAPAN :-

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menggunakan 'sistem perdagangan umum' dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri. Di bawah sistem ini, sempadan negara digunakan sebagai sempadan perangkaan di mana semua barang yang dibawa masuk atau keluar dari negara direkodkan sebagai import dan eksport masing-masing. Sumber utama dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri adalah borang pengikliran import dan eksport daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Zon Bebas. Jumlah eksport dan import Sarawak pada tahun 2016-2017 (Januari-Ogos) adalah seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1: Jumlah eksport dan import Sarawak bagi tahun 2016-2017 (Januari-Ogos), RM Juta

Tahun	SARAWAK	
	Eksport	Import
2016	63,902	19,129
2017 (Januari-Ogos)	52,968	12,160

Sekian, terima kasih

6 November 2017